

FELCRA NIAGA SDN. BHD.**KENYATAAN TAWARAN****DESIGN, SUPPLY AD INSTALLATION 100KVA SUB-STATION
INCLUDING RMU, TRANSFORMER, HT/LT RETICULATION EXCLUDING MSB
AT BINTULU WAREHOUSE, SARAWAK****NO. TAWARAN : SFN 05/2019****1. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN**

Tawaran Tender ini adalah **Tender Terbuka** dan dipelawa seperti berikut:

- 1.1 Kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan FELCRA Berhad (keutamaan kepada Kontraktor Bumiputera) yang berpengalaman dengan bidang yang berkaitan, mempunyai keupayaan teknikal dan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan kerja serta berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) / (SPKK) / (UPKJ).
- 1.2 Tempoh pendaftaran syarikat dengan **FELCRA Berhad** dan Kementerian Kewangan hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh tutup tawaran tender.
- 1.3 Kontraktor **hendaklah mengemukakan Sijil Pendaftaran Kontraktor** dengan FELCRA Berhad, Sijil Pendaftaran Syarikat dan Sijil Pendaftaran mengikut kelayakan tender Kelas / Gred yang ditentukan dan berkaitan untuk semakan **sebelum dibenarkan membeli dokumen tawaran.**

2. TEMPOH TAWARAN

- 2.1 Tempoh tawaran tender adalah selama **14 hari bermula pada 28 Mac 2019 (Khamis)** dan **tarikh tutup tender adalah pada 10 April 2019 (Rabu).**
- 2.2 Petender hendaklah mengemukakan Tawaran Tender **sebelum atau jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup tender.** Tawaran Tender yang dikemukakan selepas jam 12.00 tengah hari **RAYUAN TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**

3. DOKUMEN TAWARAN

- 3.1 Dokumen tawaran tender dijual dengan kadar harga **RM 300.00** (tidak dikembalikan). Bayaran bagi Pembelian Dokumen Tawaran adalah berbentuk Tunai / Deraf Bank berpaling atas nama **FELCRA NIAGA SDN. BHD.** Dokumen tawaran boleh didapati melalui Kaunter pada waktu pejabat (antara 9.30 pagi hingga 4.00 petang) di Unit Perolehan, Ibu Pejabat Felcra Niaga Sdn. Bhd. No. 10, Jalan Usahawan 5 Kawasan Perusahaan Setapak Off Jalan Genting Klang 53200 Setapak Kuala Lumpur mulai **28 Mac 2019 (Khamis).**

- 3.2 Dokumen tawaran sebutharga yang telah sempurna diisi dan ditandatangani dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri, tuliskan nombor dan nama tawaran. Dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran A di alamat seperti di atas.
- 3.3 Kenyataan ini juga terdapat dalam Laman Web FELCRA Niaga Sdn Bhd : www.felcraniaga.com.my

4. PERTANYAAN

- 4.1 Petender adalah dibenarkan untuk mengemukakan pertanyaan atau memohon penjelasan mengenai arahan / syarat tawaran tertakluk kepada pertanyaan tersebut dibuat secara bertulis kepada **Urusetia Tawaran** dalam tempoh **Empat Belas (14) hari dalam tempoh tawaran**. melalui medium-medium berikut sahaja:

i) **E-Mel**

tender@felcraniaga.com.my

ii) **Surat**

Alamat surat-menyurat adalah seperti berikut:

FELCRA Niaga Sdn. Bhd.
No. 10, Jalan Usahawan 5
Kawasan Perusahaan Setapak
53200 Setapak, Kuala Lumpur
(u.p : Urusetia Tawaran – No. Tawaran : SFN 05/2019)

iii) **Faks**

03 41423096

- 4.2 Tiada pertanyaan boleh dibuat selepas tarikh tutup tawaran. Bukti penghantaran pertanyaan tidak boleh dianggap sebagai penerimaan oleh FELCRA Niaga Sdn. Bhd.
- 4.3 Adalah diingatkan Felcra Niaga Sdn. Bhd. tidak terikat menerima tawaran terendah atau sebarang tawaran atau memberi apa-apa sebab sesuatu tawaran itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas perbelanjaan berhubung dengan tawaran ini.